

SIARAN MEDIA

Untuk Terbitan Segera

BANK ISLAM HARGAI JASA DAN PENGORBANAN GURU DAN JURURAWAT

KUALA LUMPUR, Selasa, [27 Ogos 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini menganjurkan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang Kempen Hari Guru dan Jururawat 2019 di Menara Bank Islam, Kuala Lumpur. Sebanyak lima unit kereta PERODUA MyVi 1.3L Auto dan 85 baucar petrol bernilai RM500 setiap satu telah disampaikan kepada pelanggan Pembiayaan Peribadi-i terpilih dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Menara Bank Islam.

Menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut kepada pemenang ialah Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, Ketua Pegawai Operasi, Bank Islam bersama Ketua Perbankan Pengguna Bank Islam, Encik Zamree Mohamed.

Encik Mohd Muazzam berkata, "Bank Islam telah bersama-sama menyertai sambutan Hari Guru dan Hari Jururawat sejak tahun 2015. Ia adalah salah satu langkah kami untuk menghargai segala jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh kumpulan tenaga kerja ini. Para guru dan jururawat adalah golongan yang senantiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan penganjuran kempen ini merupakan satu wadah bagi Bank Islam untuk melahirkan penghargaan, di samping membantu menyediakan akses kepada produk dan perkhidmatan perbankan patuh Syariah kepada mereka," katanya pada majlis penyerahan hadiah utama Kempen Hari Guru dan Jururawat 2019 di Menara Bank Islam hari ini.

Beliau menambah, "Bank Islam turut menerapkan pendekatan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) dalam perkhidmatannya dengan menganjurkan seminar-seminar kewangan, membantu menjayakan aktiviti Latihan dalam Perkhidmatan (LADAP) serta menaik taraf dan menambah baik kemudahan-kemudahan seperti surau di sekolah-sekolah demi manfaat komuniti sekitar. Bank Islam juga telah turut sama menjayakan sambutan Hari Guru di peringkat negeri dan Hari Jururawat di hospital-hospital"

Kempen Hari Guru dan Jururawat 2019 Bank Islam telah bermula dari 1 April hingga 31 Julai lalu bersempena sambutan Hari Jururawat Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada 12 Mei dan Hari Guru pada 16 Mei lalu.

Kempen selama empat bulan tersebut melibatkan pakej istimewa yang disediakan kepada guru-guru dan jururawat menerusi produk Pembiayaan Peribadi-i Bank Islam. Ia juga terbuka kepada barisan pensyarah, doktor perubatan dan pergigian serta pembantu perubatan.

Menurut Encik Mohd Muazzam, penganjuran kempen berkenaan telah menerima sambutan yang memberangsangkan dan menunjukkan pertumbuhan yang signifikan bagi Bank Islam.

“Kami telah mengambil pendekatan agresif dalam mempromosikan produk ini dan berjaya mengunjungi lebih 2,000 buah sekolah, 100 hospital dan 40 universiti di seluruh negara.

“Alhamdulillah, setakat ini, segmen pelanggan yang terdiri daripada guru-guru dan pensyarah telah meningkat sebanyak 8.51 peratus atau RM365 juta, manakala segmen jururawat menunjukkan perkembangan 13.31 peratus atau kira-kira RM73 juta dari segi agihan pembiayaan,” maklum beliau.

Kempen Hari Guru dan Jururawat 2019 Bank Islam menawarkan hadiah berjumlah RM292,500 yang berupa lima unit kereta PERODUA MyVi 1.3L Auto sebagai Hadiah Utama dan hadiah saguhati yang terdiri daripada 85 baucar petrol.

Pemenang-pemenang Hadiah Utama Kempen Hari Guru dan Jururawat 2019 ialah:

Riza Juliana Binti Abdul Rahman	Cawangan Bayan Baru
Mohd Zabidi Bin Zulkifli	Cawangan Putra Square, Kuantan
Haliyaton Sapiah Binti Hanafi	Cawangan Dungun
Mohd Zakri Bin Nyan	Cawangan Pekan
Muhammad Faizal Bin Ali	Cawangan Jalan Sultan Ibrahim

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel.bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998
--	---

Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---